

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
MESYUARAT KETIGA DEWAN RAKYAT, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP
[MERBOK]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sejauh manakah cadangan Kementerian untuk menaikkan kadar elaun penyelia dan petugas Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dan sejauh manakah usaha Kementerian bagi memastikan hasrat ini tercapai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat perbezaan antara elaun dan gaji, di mana elaun merupakan bayaran yang diberikan kepada seseorang yang bertugas secara sukarela di sesebuah organisasi seperti di Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). Manakala gaji adalah suatu pemberian upah tetap yang diberikan oleh majikan kepada pekerja. Penyelia dan Petugas PDK yang dilantik merupakan sukarelawan yang bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan aktiviti di PDK.

Sehingga kini terdapat sebanyak **560** buah PDK yang memberi manfaat kepada **20,573** OKU di seluruh Negara serta melibatkan seramai **560** orang penyelia dan **2,765** orang petugas yang membantu mengendalikan program tersebut. Dari tahun 2015 sehingga Julai 2019 kerajaan telah membelanjakan sebanyak **RM173 juta** untuk membayar elaun penyelia dan petugas PDK di seluruh Negara termasuk pembayaran KWSP dan PERKESO.

PDK merupakan program berasaskan komuniti dan mulai tahun 2018 telah pun dikuatkuasakan agar semua PDK mendaftar sebagai NGO di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS). Tujuan utama PDK telah didaftar sebagai NGO adalah untuk memastikan pengurusan kewangan dan aset PDK yang sebelum ini dipengerusikan oleh ahli keluarga YB termasuk isteri-isteri YB dan sebagainya diuruskan dengan kurang berkesan. Ini sedikit sebanyak telah menjejaskan pengurusan kewangan PDK. Kini sebagai NGO yang berdaftar diharapkan PDK akan diuruskan secara lebih teratur dan mengikut tatacara pengurusan kewangan NGO seperti yang ditetapkan oleh ROS.

Jawatankuasa PDK yang mendaftar sebagai NGO boleh mencari dana melalui penjanaaan pendapatan sendiri dan sekiranya PDK berkemampuan membayar elaun Petugas dan Penyelia PDK dengan kadar yang lebih baik, ia tidak semestinya terikat kepada bayaran Petugas sebanyak RM800.00 dan bayaran Penyelia sebanyak RM1,200.00 sebulan yang diberikan sekarang ini.